

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, May 13, 2019 11:00 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Bubur Lambuk Pikat Selera, Jalin Silaturahmi



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

13 MEI 2019 / 08 RAMADAN 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Mohamad Fuzi Ismail

BUBUR LAMBUK PIKAT SELERA, JALIN SILATURAHIM



UUM ONLINE: Sempena Ramadan al-Mubarak, ahli Kesatuan Kakitangan UUM (KESKA) dari pelbagai jabatan bergotong-royong menyediakan bubur lambuk yang diedarkan kepada orang ramai sebagai juadah berbuka puasa.

Presiden KESKA, Affendi Askandar berkata, program Gotong-Royong Penyediaan Bubur Lambuk 1440H merupakan sumbangan kesatuan kepada warga universiti yang diadakan untuk memeriahkan bulan Ramadan.

Jelasnya, gotong-royong memasak bubur lambuk bermula pada jam 9.00 pagi yang melibatkan 8 periuk dari KESKA termasuk satu periuk masing-masing dari Pusat Islam dan Pusat Rawatan Darussyifa' yang turut mengambil bahagian.

“Kita menjemput semua ahli-ahli KESKA yang berkelapangan untuk bersama-sama membantu dalam aktiviti menyediakan bahan masakan, memasak, membungkus dan membersihkan,” ujarnya.

Beliau berharap kehadiran peserta dapat mengimarahkan lagi bulan Ramadan serta mengeratkan lagi hubungan antara ahli dalam menjayakan program ini di bulan yang mulia.

Ketua Masak, Kassim Din yang berpengalaman selama 5 tahun memasak bubur lambuk berkata, resepi ini diperolehi daripada staf UUM yang telah bersara seterusnya diubah suai mengikut selera.

Warnanya yang putih jernih, bertekstur lembut hasil resepi istimewa yang diadun bersama rempah ratus yang membuka selera sehingga Bubur Lambuk Sri Sintok menjadi sebutan ramai.

“Bubur istimewa ini menggunakan pelbagai bahan-bahan antaranya daging segar, tulang, udang serta santan dan minyak sapi yang menaikkan aroma semerbak harum dan proses memasak mengambil masa yang agak lama.

Menyoroti nostalgia bubur lambuk, Kassim gemar melakukan aktiviti itu ketika bertugas di Jabatan Keselamatan UUM sebelum bersara pada 2007.

“Dulu-dulu, saya hanya menolong memasak bubur lambuk sekadar suka-suka, lama kelamaan saya dapat mempelajari resepi bubur lambuk sehingga diundang oleh masyarakat untuk memasak di kampung dan taman-taman perumahan,” ujarnya.

Tidak hairanlah bubur lambuk yang dinikmati oleh warga kampus sejak lebih 2 dekad lalu masih mengekalkan rasa yang lazat seperti dahulu.

Sementara itu, Pembantu Hal Ehwal Islam, Ahmad Zabadi Mokhtar berkata, Pusat Islam sentiasa komited mengimarahkan bulan Ramadan dengan pelbagai aktiviti penyucian jiwa seperti majlis berbuka puasa (iftar), sembahyang terawih, membaca Al-Quran dan tazkirah.

Katanya, semangat kerjasama bergotong-royong semasa menyediakan bubur lambuk dapat mengeratkan hubungan di antara staf dari jabatan lain terutamanya yang jarang berjumpa untuk bertanya khabar.

Sementara itu, Pembantu Akauntan, Sharulanisah Omar berkata, bubur lambuk yang dihasilkan Pusat Islam sememangnya dinantikan setiap kali Ramadan kerana rasa dan kelazatannya yang sukar ditandingi.

“Bubur lambuk ini memang sedap, lain dari yang lain dan menjadi pembuka selera kami sekeluarga jadi peluang memasak beramai-ramai tidak dilepaskan untuk mempelajari resepi tradisi bubur lambuk UUM yang power!

“Saya berpeluang merasai suasana meriah misalnya mengupas bawang, udang, kacau bubur dan membungkus dalam plastik setelah masak,” luahnya.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.